

Malay A: literature – Higher level – Paper 2
Malais A : littérature – Niveau supérieur – Épreuve 2
Malayo A: literatura – Nivel superior – Prueba 2

Tuesday 1 May 2018 (morning)

Mardi 1 mai 2018 (matin)

Martes 1 de mayo de 2018 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

Instructions to candidates

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the part 3 works you have studied and compare and contrast these works in response to the question. Answers which are not based on a discussion of at least two part 3 works will not score high marks.
- You are not permitted to bring copies of the works you have studied into the examination room.
- The maximum mark for this examination paper is **[25 marks]**.

Instructions destinées aux candidats

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. En basant votre réponse sur au moins deux des œuvres de la troisième partie que vous avez étudiées, vous devez comparer et opposer ces œuvres dans le cadre du sujet. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la troisième partie n'obtiendront pas une note élevée.
- Vous n'êtes pas autorisé(e) à apporter des exemplaires des œuvres que vous avez étudiées dans la salle d'examen.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est de **[25 points]**.

Instrucciones para los alumnos

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Conteste una sola pregunta de redacción. Base su respuesta en al menos dos de las obras estudiadas de la parte 3, comparándolas y contrastándolas en relación con la pregunta. Las respuestas que no se basen en al menos dos obras de la parte 3 no recibirán una puntuación alta.
- No está permitido traer copias de las obras estudiadas a la sala de examen.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es **[25 puntos]**.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada **sekurang-kurangnya dua** daripada karya-karya bahagian 3 yang anda kaji serta **bandingkan** karya-karya itu dalam menjawab soalan. Jawapan yang **tidak** berdasarkan perbincangan tentang dua karya bahagian 3, **tidak** akan mendapat markah tinggi.

Cerpen

1. Ada pandangan yang menyifatkan bahawa pendekatan kronologi amat bertepatan dengan struktur kehendak penulisan cerpen. Bincangkan pernyataan ini berdasarkan sekurang-kurangnya dua buah karya yang anda kaji.
2. Dalam sesetengah karya, usaha untuk mendidik dan menegur sering kali membuat penulis mewujudkan watak-watak yang disingkir dan dipinggirkan oleh masyarakat bagi menimbulkan reaksi kepada khalayak. Setujukah kamu dengan pernyataan ini dan apakah kesan daripada serlahan perwatakan tersebut berdasarkan sekurang-kurangnya dua buah karya yang anda kaji.
3. “Keunikan dan keindahan cerpen ialah keterampilan kekangan dan saranan.” Bincangkan pernyataan ini berdasarkan sekurang-kurangnya dua buah karya yang anda kaji.

Drama

4. Dengan berpandukan sekurang-kurangnya dua buah karya yang anda kaji, bincang dan hujahkan penggunaan sub-plot dalam mendukungi plot utama dalam cerpen.
5. Kebanyakan pementasan drama akan mencungkil keintelektualan dan mengusik keutuhan nilai moral para penonton. Berikan pandangan kamu mengenai sekurang-kurangnya dua buah karya drama yang anda kaji yang dapat menyerlahkan emosi ini.
6. Dalam setiap drama yang dihasilkan, pasti ada titik perubahan yang mempengaruhi perkembangan cerita tersebut. Sejauh manakah kesahihan pernyataan ini dan kesannya dalam karya mereka berdasarkan sekurang-kurangnya dua dramatis yang anda kaji.

Novel

7. Penulis sering menggunakan teknik imbas kembali dan imbas muka dalam penulisan novel. Dalam penganalisan sekurang-kurangnya dua orang penulis yang anda kaji, huraikan penggunaan satu atau kedua-dua teknik ini secara berkesan dalam karya mereka.
8. “Kesedihan merupakan tunjak utama untuk melahirkan watak-watak wira.” Bincangkan penggunaan teknik ini berdasarkan sekurang-kurangnya dua orang penulis yang anda kaji untuk menyerlahkan watak wira atau wirawati berkenaan.
9. Karya penulisan sastera sering memperlihatkan watak-watak yang berhadapan dengan dilema moral dan konflik-konflik yang menguji keteguhan nilai moral ini. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua orang penulis yang anda kaji, serlahkan pertembungan konflik ini dalam karya mereka.

Puisi

10. Dengan menggunakan sekurang-kurangnya dua buah puisi yang anda kaji, bincangkan bagaimanakah diksi dan pemilihan kata dapat menimbulkan kesan emosi dalam puisi-puisi yang dipilih.
11. Apakah fungsi metafora dalam pemaparan pengalaman peribadi? Berikan hujahan kamu berdasarkan sekurang-kurangnya dua buah puisi yang anda kaji untuk membuktikan kewajaran persoalan ini.
12. Bagaimanakah dan berjayakah seorang penulis menggunakan tajuk puisi untuk menampilkan maksud yang terserlah dalam karyanya? Beri jawapan kamu berdasarkan sekurang-kurangnya dua orang penulis yang anda kaji.

Prosa Tradisional

13. Penggambaran watak yang hebat dan memiliki kuasa yang luar biasa, sering kali dipaparkan dalam prosa tradisional. Huraikan sejauh manakah penggunaan watak dan perwatakan ini memberi satu impak kepada jalan cerita berdasarkan sekurang-kurangnya dua buah karya yang anda kaji.
 14. Bincangkan peranan dan signifikasi magis dan jelmaan dewa-dewi dalam prosa tradisional berdasarkan sekurang-kurangnya dua buah karya yang anda kaji.
 15. Perhubungan antara bahasa retorik dan perlambangan merupakan satu tautan yang utuh dalam sesebuah karya. Bincangkan pernyataan ini berdasarkan sekurang-kurangnya dua orang penulis yang anda kaji.
-